

# Keluarga Hasanuddin bimbang

Berita Harian 02/06/2010 M/s 10

## Isteri risau tiada gambar menunjukkan sukarelawan ditahan di Israel selamat

### KONVOI GAZA



### DISERANG

Oleh Saufi Hamzah  
bhnews@bharian.com.my

**J**OHOR BAHRU: Isteri kepada seorang sukarelawan Hasanuddin Mohd Yunus yang selamat dalam serangan Israel terhadap kapal misi bantuan kemanusiaan ke Gaza memuji kerajaan kerana mengambil tindakan pantas mendapatkan perkembangan terkini untuk membantu warga Malaysia yang terbabit dalam kejadian itu.

Sharifah Mahiza Syed Abdul Kadir, 47, berkata tindakan berkenaan perlu diambil oleh kerajaan lebih-lebih lagi dalam keadaan genting seperti penghantaran misi bantuan kemanusiaan ke Gaza yang turut disertai suaminya.

“Saya bersyukur kerana suami dilaporkan selamat. Saya berterima kasih kepada kerajaan Malaysia yang mengambil tindakan membantu rakyat Malaysia. Terima kasih atas maklumat yang diberikan

tapi kami ahli keluarga masih bimbang dan risau kerana tak ada gambar menunjukkan mereka selamat. Malah, kita dengar banyak berita di internet mengenai kira-kira 500 orang sudah dimasukkan ke penjara.

“Perkembangan terbaru ini sedikit melegakan tapi belum dapat menghilangkan kerisauan saya dan warga Malaysia serta berharap segala barangan yang dibawa dapat disampaikan kepada rakyat Palestin di sana,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sharifah Mahiza berkata, sebelum kejadian, beliau sudah menjangka kemungkinan berlaku halangan dalam perjalanan mereka dan suaminya sudah berpesan supaya tabah menghadapi segala kemungkinan jika dirinya ditimpa halangan dan dugaan.

“Sebagai isteri saya faham risiko yang dihadapi tapi tetap memberi sokongan kepada suami. Pesanan terakhir pada Khamis lalu sebelum beliau naik kapal ialah teruskan perjuangan,” katanya.

Hasanuddin, 47, yang juga bekas pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah seorang daripada dua wakil NGO, Aqsa Syarif



**SHARIFAH Mahiza bersama anaknya Abdullah Mubarak menunjukkan gambar suaminya Hasanuddin di rumah mereka, semalam.**

dalam misi itu. Seorang lagi wakil Aqsa Syarif ialah Dr Selamat Aliman.

Sharifah Mahiza berkata, apabila mendapat laporan mengenai serangan tentera

Israel terhadap kapal Mavi Marmara, beliau dan anak memahami risiko yang mungkin terjadi.

“Suami saya sangat menanti-nantikan penyertaan dalam

konvoi atas nama membantu rakyat Palestin. Malah sebelum ini, saya dan suami pernah ke Beirut menghantar bantuan kepada anak yatim Palestin,” katanya.